

08 JAN 2000

Mahathir-Citroen

RUNDINGAN PROTON DAN CITROEN MASIH BERJALAN, KATA MAHATHIR

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Rundingan antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd., (EON) dan pengeluar kereta Perancis, Citroen, bagi mewujudkan kerjasama teknikal dalam bidang pengeluaran kereta masih berjalan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata kedua-dua pihak masih meneruskan rundingan dan ianya akan mengambil masa kerana perlu menyelesaikan beberapa perkara.

Katanya, kalau hendak mengadakan kerjasama, ia mestilah menguntungkan kedua-dua belah pihak.

"Kalau kita tak untung langsung, jadi susah sikitlah. Sebab itulah rundingan mengambil masa," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbukanya sempena sambutan Aidilfitri di Sri Perdana di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Duta Perancis ke Malaysia, Xavier Driencourt, baru-baru ini yang beliau (duta) telah dimaklumkan oleh Citroen bahawa syarikat itu mungkin menarik balik pelaburannya jika tiada tindakan susulan oleh Proton.

Adalah dilaporkan bahawa Citroen mendakwa mengalami kerugian akibat kelewatan rundingan tersebut.

Dalam perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1997, Citroen bersetuju mengadakan kerjasama teknikal dengan Proton bagi mengeluarkan sebuah kereta nasional baru berdasarkan spesifikasi asal Citroen Saxo di Eropah, sejenis kereta kompak yang sama jenis dengan Tiara.

Projek antara Proton dan Citroen bermula dengan penghasilan Proton Tiara pada tahun 1996.

Kereta baru, menggantikan Tiara, seharusnya sebagai kereta nasional kedua dengan sentuhan teknologi Perancis dan ramalan awal memasuki pasaran Malaysia ialah sebelum hujung tahun lepas.

Pengerusi Proton, Tan Sri Mohd Salleh Sulong, juga menafikan Citroen bercadang menarik diri daripada rancangan tersebut berikutan kelewatan, sambil menjelaskan bahawa rundingan masih berjalan.

Dr Mahathir berkata Proton memerlukan sebuah kereta yang boleh dijual laris.

"Kereta yang terdahulu itu tidak begitu laris," katanya.

-- BERNAMA

AR DC